



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

KURSUS	:	BAHASA KEBANGSAAN (A)
KOD KURSUS	:	MPU2043/MPU2013/MPW1113
PEPERIKSAAN	:	MEI 2016
MASA	:	3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA(2)** bahagian:
BAHAGIAN A (50 Markah)
BAHAGIAN B (50 Markah)
2. Jawab **SATU(1)** soalan dari **BAHAGIAN A** dan jawab **SEMUA** soalan dari **BAHAGIAN B**.
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI 9 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A:KARANGAN

[50 markah]

ARAHAH:

Bahagian A mengandungi DUA soalan . Jawab SATU (1) soalan sahaja.

Panjang karangan anda adalah TIDAK KURANG daripada 300 patah perkataan.

1. Anda merupakan pengurus Persatuan Mahasiswa di kolej anda. Anda dikehendaki menyampaikan ucapan alu-aluan dalam Pogram Kembara Bahasa yang dianjurkan oleh kolej anda itu. Teks ucapan anda mestilah mengandungi salutasi, pendahuluan, tujuan program diadakan, aktiviti-aktiviti yang dijalankan dan penutup. Majlis ini turut dihadiri oleh Ketua Eksekutif Kolej Yayasan Pelajaran Johor, Ketua Bahagian Akademik Kolej Yayasan Pelajaran Johor, Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Kolej Yayasan Pelajaran Johor, Pengurus Akademik, Ketua-ketua Program dan para pensyarah. Anda digalakkan memasukkan elemen seperti pantun, gurindam atau peribahasa dalam ucapan anda.

Tuliskan teks ucapan anda selengkapnya.

2. Tulis sebuah cerpen dengan menyambung cerita di bawah.

Memancing memang menjadi hobi sejak aku berumur enam tahun lagi. Kebetulan sewaktu itu aku dan keluarga menghuni sebuah rumah yang diberi kerajaan tidak jauh dari kawasan pokok kelapa sawit. Boleh dikatakan tiap-tiap petang dengan joran buluh berumpan anak kerengga, ikan puyu akan menjadi mangsaku.

[Jumlah : 50 markah]

BAHAGIAN B: ISU-ISU TATABAHASA

[50 markah]

ARAHAN:

Bahagian B mengandungi **LIMA (5)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan.

SOALAN 1:

Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan, **ulaskan** usaha-usaha pengembangan bahasa Melayu yang sedang dan telah dilakukan pada masa ini serta cabaran-cabaran memartabatkan bahasa Melayu pada abad ini.

Syarahan ini mendekati keluk yang membawanya ke penghujung jalan. Izinkanlah beberapa renek pemikiran yang tumbuh di kiri kanan laluan akhir ini disentuh sepintas lalu.

Usaha berterusan pengembangan bahasa Melayu, terutamanya oleh organisasi-organisasi yang diberi tanggungjawab tersebut di Malaysia, Indonesia dan Brunei Darussalam, serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang menyokongnya di negara-negara tersebut, harus menyediakan perancangan strategi serta sasaran yang munasabah dan boleh diukur. Usaha ini tentunya termasuk strategi serta sasaran untuk mengurangi dan seterusnya menghapuskan pengaruh imperialism linguistik bahasa Inggeris itu, juga strategi serta sasaran pengembangannya pada peringkat rantau dan antarabangsa. Bersuara lantang ‘menyalak bukit’ tentang nasib bahasa Melayu tanpa strategi ampuh serta sasaran jelas, tidak membawa bahasa Melayu ke mana-mana.

Bahasa Melayu terlebih dahulu harus diperkasakan oleh bangsa penutur asli bahasa ini, diikuti oleh jiran-jiran bangsa lain. Apabila bahasa Melayu kukuh pada peringkat nasional masing-masing negara berbahasa Melayu, kemudian kukuh pula pada peringkat supranasional, maka bahasa Melayu – oleh sokongan kekuatan jumlah penutur serta kepustakaannya – bersedia menjadi salah satu bahasa yang penting di dunia.

Tali simpul yang menutup syarahan ini, hujungnya memaut dunia siber. Inilah medan terakhir yang akan dibicarakan kerana medan ini mendedahkan kenyataan perkembangan bahasa yang fenomenanya jauh berbeza daripada zaman sebelum ini. Medan ini juga adalah dunia anak muda, waris kita yang bakal menentukan nasib masa depan bahasa Melayu.

Maka, selain mengenal pasti sosok-sosok imperialism linguistik seperti yang telah disentuh, menangani dan mengatasi permasalahan ini secara bijaksana, serta memperkasakan bahasa Melayu sendiri, kita juga harus bersedia bersemuka dan memasuki dunia siber ini, termasuk media baru (new media) yang semakin mempengaruhi kehidupan masyarakat, dengan membawa bahasa Melayu ke dalamnya. Bahasa Melayu tidak boleh menjadi gadis pingitan yang terpinggir dan tersorok dari arus perdana teknologi komunikasi, maklumat dan ilmu. Akan tetapi di dunia siber ini bahasa Melayu, sebagaimana juga bahasa-bahasa lain diletakkan oleh anak-anak mudanya di depan bedah bahasa untuk disingkatkan tubuhnya, untuk bertutur dalam bahasa pasar serta slanga, dan untuk diubah suai ejaan serta sebutannya. Gejala ini juga harus dikawal dan diatasi kerana hanya bahasa baku yang akhirnya akan dihormati serta menyumbang kepada tamadunnya.

Dunia siber sedang menyaksikan bahasa Inggeris menyebarkan maklumat dan ilmu dalam skala global. Tetapi dunia siber adalah mandala milik bersama; tiada Presiden, Perdana Menteri atau Rajanya di sini. Ia turut menjadi milik bahasa-bahasa besar dunia yang lain, termasuk bahasa Melayu. Sehubungan itu bahasa Melayu harus masuk ke dunia ini dengan skop serta perisian yang lebih luas. Mereka yang membawa bahasa Melayu masuk ke dalam dunia siber ini harus bebas daripada gejala-gejala eksperimental yang tidak sihat. Skop serta perisiannya dalam skala global harus dapat menunjukkan citra bahasa Melayu tinggi, yang supranasional dan selayaknya duduk di tengah pentas bahasa dunia.

Di tengah pentas bahasa dunia, kita sama-sama meraikan kepelbagaian bahasa antarabangsa, dengan orang-orang Melayunya tetap berwajah timur dan berlidah timur.

[10 Markah]

SOALAN 2:

Proses pengimbuhan adalah proses yang menambahkan atau menggandingkan imbuhan pada kata dasar. Dalam petikan di bawah terdapat perkataan yang salah penggunaan imbuhannya. Anda dikehendaki **menyalin semula ayat yang mengandungi kesalahan imbuhan dan betulkan kesalahan tersebut.** Gariskan jawapan anda.

Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), mengambilkan makanan kesihatan tambahan yang mengandungi kimia beracun menjadi punca banyak mangsa menderita pelbagai penyakit. Daripada siasatan KKM, biasanya produk yang diambil dipamerkan label dengan menjanjikan pelbagai khasiat yang mampu memulihkan penyakit, seperti selesema, sakit sendi tulang, sakit lutut, sakit urat, sakit bahu, lumpuh kaki, tangan bengkak, sakit pinggang, lenguh seluruh badan dan lemah tenaga batin. Hal ini menjadikan kebanyakkan pengguna berasa yakin bahawa hanya dengan mengambil produk tersebut segala masalah mereka akan selesai.

Apabila diamati, mendapati kebanyakkan individu yang mengambil ubat-ubatan tidak berdaftar ialah mereka yang enggan mendapatkan rawatan di klinik atau hospital. Kebanyakannya daripada mereka ialah warga emas, pekerja buruh dan penduduk yang tinggal di pedalaman. Kumpulan ini lebih mudah mendapatkan produk di kedai atau kaki lima kedai tanpa perlu mendaftarkan diri dan menunggu penggiliran untuk bertemu pegawai perubatan. Mereka lebih mudah urusan dengan jurujual dan lebih bersikap terbuka apabila berbicara dengan "orang biasa" berbanding dengan pegawai perubatan. Kandungan makanan kesihatan tambahan yang terjual di kedai biasa atau kaki lima lebih mudah difahami kandungannya, misalnya penggunaan akar kayu, kacip fatimah, tongkat ali dan madu. Tidak hairanlah kebanyakkan makanan kesihatan tambahan sering kali menggunakan imej tumbuh-tumbuhan yang popular dalam kalangan masyarakat sebagai menghiasi kotak maupun pembungkus makanan kesihatan tambahan. Hal ini dikatakan demikian kerana pelanggan lebih berkeyakinan untuk menggunakan produk yang kononnya dihasilkan daripada tumbuh-tumbuhan asli walhal proses menghasilkan makanan kesihatan tambahan tidak diperincian.

(Disesuaikan daripada rencana
"Akta Lindungi Kesihatan Pengguna" oleh Ridhwan Mohd Rashid
Dewan Masyarakat, Disember 2015)

[10 Markah]

SOALAN 3:

Gabungkan ayat-ayat berikut sehingga menjadi **lima ayat** majmuk sahaja.

Insiden berlaku pada tahun lalu di Ipoh Perak. Insiden menyaksikan sesuatu. Dua orang pelajar lelaki tingkatan satu diserang oleh guru. Dua orang pelajar lelaki tingkatan satu ditumbuk oleh guru. Dua orang pelajar perempuan tingkatan satu diserang oleh guru. Dua orang pelajar perempuan tingkatan satu ditumbuk oleh guru. Guru tidak dapat menahan emosi. Guru mendapati pelajar terbabit tidak membawa komputer riba ke sekolah. Setiap kejadian yang dilaporkan berlaku menunjukkan sesuatu. Individu pelik ini dikatakan mempunyai simptom masalah kesihatan mental yang serius. Masalah berpunca di tempat kerja. Masalah berpunca di rumah. Masalah berpunca dari tekanan perasaan. Kebiasaan mereka yang mengalami masalah kesihatan mental ini tidak mampu mengawal emosi. Kebiasaan mereka yang mengalami masalah kesihatan mental ini tidak mampu berfikir secara positif. Mereka akan bertindak secara melulu. Tindakan mereka mengakibatkan kemalangan kepada diri sendiri. Tindakan mereka mengakibatkan kemalangan kepada orang di sekitarnya.

(Disesuaikan daripada Nota Editor "Bina Kekuatan Mental Diri",
Dewan Siswa, Disember 2015)

[10 Markah]

SOALAN 4:

Berdasarkan puisi di bawah jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat sendiri.

Pentas Berduri

Demikianlah bahasa Melayu
Bermartabat di pentas berduri
Dari momok dan caci
Dalam ranjau
yang masih mencari
Sebuah nama dan identiti
Untuk tujuan terjulang sebagai jati diri
Mengokong kaki seraya berdiri
Sama tinggi
Dengan seluruh warga bumi.
Demi martabat dan maruah ini
Penelusuran bertatih
Dari amalan sebut dan ujar
Tutur dan atur aksara
Konsonan, vokal dan diftong
Dan selok-beloknya
Demi sikap dan upaya minda
Dari lapuk kemisikanan
Dan gunung-ganang kemasyhuran
Bunga-bunga bahasa
Berlagu dengan seruling merdu
Memanggil nama
Menyanyikan lagu
Liriknya
Sebuah tamadun bangsa
Di mata dunia.

Jais Sahok

Seminar Antarabangsa MABBIM

2 SEPTEMBER 2015

- i. Jelaskan maksud rangkai kata 'mengokong kaki seraya berdiri' dalam petikan di atas.
[2 Markah]
- ii. Nyatakan dua pengajaran yang boleh diperoleh berdasarkan puisi di atas.
[4 Markah]
- iii. Bahasa Melayu merupakan antara bahasa terpenting di dunia ini. Bincangkan **empat** langkah untuk memartabatkan Bahasa Melayu di Malaysia.
[4 Markah]

[Jumlah :10 Markah]

SOALAN 5:

Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya:

Persidangan yang diadakan pada kali ini sangat tepat pada masanya. Dalam kekhusukan kita membangunkan Johor dan Malaysia, kita acap kali terpesona dengan pembangunan material.

Tekun dan gigih mengejar agregat dan angka yang kita pamerkan untuk menunjukkan bahawa pertumbuhan ekonomi kita sihat, mapan dan lestari. Pastinya kita akan terus ghairah untuk memastikan semua angka ini terus meningkat dan bertambah baik.

Perkara ini mengingatkan saya kepada puisi "Surat Masyarakat Burung kepada Datuk Bandar" karya Allahyarham Usman Awang.

Betapa kejayaan pembangunan selalu diukur dengan petunjuk yang terlihat secara zahir dan fizikal. Petunjuk, seperti pembangunan Kota Iskandar, pembangunan Johor Bahru, jaringan lebuh raya, terdirinya kilang yang besar dan pejabat komersial dan pelbagai lagi mercu konkrit yang terpasak di seluruh pelosok negeri ini.

Apabila semua ini diserlahkan, bercambah dan kelihatan, maka kita akan segera dikatakan membangun, moden dan berjaya. Kita digelar maju. Johor dilihat progresif. Rakyat nampak matang dan terkehadapan.

Namun begitu, pentadbiran Johor mengambil pendirian yang berlainan. Pendirian yang mencabar pemahaman konvensional. Pendirian bahawa pembangunan Johor mesti disandarkan pada kesejahteraan, keseimbangan, berbudaya, bermoral dan lestari.

Dalam hal ini, kita bukan sekadar ingin membangun. Kita ingin menyumbang kepada peradaban. Peradaban tersebut termasuklah budaya, bahasa, seni muzik, sejarah dan kesusteraan serta pelbagai dimensi yang memberikan watak kepada bangsa dan negara ini. Nilai ini yang membentuk pemikiran dan pemaparan sebenar kehidupan berbangsa.

Oleh itu, tiada maknanya semua prasarana gah dan luar biasa jika kompas moral dan budaya kita keliru dan berkecamuk. Tiada makna kemajuan jika terhakisnya bahasa ibunda.

[Disesuaikan daripada rencana "Khazanah Johor Tidak Ternilai"
oleh YAB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin,
Dewan Masyarakat, Februari 2016]

Berdasarkan petikan di atas berikan contoh bagi golongan kata yang berikut:

	Golongan Kata	Contoh Perkataan
1	Kata nama khas hidup manusia	
2.	Kata sendi nama	
3.	Kata hubung pancangan relati	
4.	Kata hubung pancangan komplemen	
5.	Kata hubung gabungan berurutan	
6.	Kata partikel	
7.	Kata adjektif	
8.	Kata ganti nama diri orang pertama	
9.	Kata majmuk	
10.	Kata nafi	

[10 Markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

